

A Isi tempat kosong dengan kata nama yang paling sesuai. Menulis : TP2

Si Comel	Perodua Aruz	usahawan	senduk
dewan	Datin Seri Rafidah	ladang	komputer
Bank Sejahtera	Gunung Jerai	Si Jalak	durian

- 1 Pengerusi pertubuhan kebajikan itu, _____, telah menyampaikan sumbangan makanan kepada mangsa-mangsa banjir.
- 2 Buah _____ negara kita mendapat permintaan yang tinggi di negara-negara lain.
- 3 _____ ternama itu sedang bermain golf sambil berbincang urusan perniagaan dengan rakan-rakannya.
- 4 Encik Lim menyimpan banyak data dan maklumat yang penting dalam _____ ribanya.
- 5 _____ dibuka di kawasan perumahan itu untuk memudahkan penduduk melakukan transaksi kewangan.
- 6 _____ mengibas-ngibaskan kepaknya lalu berkokok pada waktu subuh.
- 7 Haiwan peliharaan Suzi, _____, suka makan ikan segar dan minum susu.
- 8 Pasukan pengakap dan beberapa orang guru pengiring berjaya tiba di puncak _____ pada pagi tadi.
- 9 Puan Mary menggunakan _____ untuk mencedok sup ikan yang dimasaknya tadi.
- 10 Encik Tan membeli kereta _____ berwarna putih untuk kegunaannya ke pejabat.
- 11 Beribu-ribu batang pokok kelapa sawit ditanam oleh para pekerja di _____ itu.
- 12 Orang ramai berkumpul di _____ untuk mendengar ceramah yang disampaikan oleh penceramah terkemuka itu.